



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATIN SERI ROBA'AISHAH BINTI MOHD GHAZALI**  
**PENGERUSI PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS SEKALUNG BUDI SEINDAH KENANGAN**  
**PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**PADA 30 NOVEMBER 2018 (JUMAAT), 2.30 PETANG**  
**DI POT & PAN RESTAURANT, PICC, PUTRAJAYA**

Sirih berlipat sirih pinang  
Sirih dari Pulau Mutiara  
Pemanis kata selamat datang  
Kalam Bismillah pembuka bicara

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLLAHI WABARAKATUH dan Salam  
Sejahtera

Terima kasih kepada Yang Berusaha Saudari Pengacara Majlis, **Cik Rohani binti Abdul Ghani**;

Yang Berbahagia **Datin Sri Fatimah binti Ariffin**, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Kementerian Dalam Negeri (KDN) merangkap Pengerusi Cawangan Kecil PUSPANITA Ibu Pejabat KDN;

Yang Berbahagia **Datin Seri Mulia binti Ismail**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil PUSPANITA Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) selaku Pengerusi Biro Lawatan dan Sosial PUSPANITA KDN;

Yang Berbahagia Datin-Datin dan Puan Pengerusi-Pengerusi Cawangan Kecil PUSPANITA di bawah KDN;

Yang Diraikan,

Yang Berbahagia **Datin Sakinah binti Omar**, mantan Timbalan Pengerusi PUSPANITA KDN, merangkap Pengerusi Cawangan Kecil PUSPANITA Ibu Pejabat KDN;

Yang Berusaha **Puan Hashimah binti Nik Jaafar** dan Yang Berbahagia **Datin Damithah binti Burhanuddin**, mantan Timbalan Pengerusi PUSPANITA KDN;

Yang Berbahagia **Datin Dr. Mardziah Hayati binti Abdullah**, mantan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil AADK;

Barisan AJK Induk yang diraikan **Puan Rafeeah binti Nahar, Puan Siti Maslinda binti Mardi, Puan Syahirah binti Abbas, Puan Siti Hajjar binti Arsat, Puan Melinda Lido dan Puan Noormah binti Maidin.**

dan seterusnya barisan jawatankuasa dan ahli-ahli PUSPANITA KDN yang dikasihi sekelian.

Hadirat yang dihormati,

1. ALHAMDULILLAH. Setinggi-Tinggi kesyukuran dirafakkan kepada yang Maha Berkuasa ALLAH SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama lagi pada hari yang penuh bermakna ini. **Majlis 'Sekalung Budi, Seindah Kenangan'** ini khusus diadakan sebagai salam perpisahan dan mengenang jasa insan-insan yang telah banyak berjasa dan menyumbang terhadap kecemerlangan PUSPANITA KDN.

2. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua tetamu-tetamu kehormat yang diraikan, terutama sekali kepada Yang Berusaha **Puan Hashimah binti Nik Jaafar**, Yang Berbahagia **Datin Damithah binti Burhanuddin** dan Yang Berbahagia **Datin Dr. Mardziah Hayati**

**binti Abdullah** kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke **Majlis 'Sekalung Budi, Seindah Kenangan'** PUSPANITA KDN ini.

3. Di kesempatan ini, saya ingin menyampaikan salam Yang Berbahagia **Datin Nor Laila binti Salleh** dan Yang Berbahagia **Datin Indera Mariam binti Ismail** Timbalan Pengurus PUSPANITA KDN, yang baharu menyertai keluarga besar PUSPANITA KDN. Kedua-duanya tidak dapat bersama-sama pada hari ini atas urusan keluarga yang telah diatur lebih awal. Di kesempatan ini juga, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia **Datin Sri Noraini binti Abdul Jalil**, Pengurus PUSPANITA Cawangan Kecil AADK yang baharu.

Para hadirat yang dikasihi sekelian,

SUDAH ADAT BERTEMU, TENTU ADA PERPISAHANNYA.

SUDAH ADAT BERJUMPA, TENTU ADA NOKHTAH PERHENTIANNYA.

4. Jika diturutkan hati, tentu berat melepaskan pergi, tetapi apakan daya, sudah tertulis suratan ILAHI. Walau pertemuan hanya setakat ini, apa yang penting hubungan sillaturahim akan terus kekal abadi. Pada hari ini, kita semua akan merasa sayu kerana secara rasminya terpaksa berpisah dengan tetamu-tetamu yang diraikan sekelian. Sebagaimana yang kita sedia maklum, perpisahan ini terjadi berikutan persaraan atau pertukaran mengikut suami mahupun persaraan atau pertukaran ahli sendiri. Untuk Yang Berbahagia **Datin Sakinah binti Omar** dan Yang Berbahagia **Datin Dr. Mardziah Hayati binti Abdullah** didoakan juga agar terus diberkati demi memenuhi tuntutan fitrah sebagai isteri yang perlu berada di sisi suami yang tersayang yang telah bersara.

5. Kepada Yang Berusaha **Puan Hashimah binti Nik Jaafar** dan **Puan Noormah binti Maidin** yang telah bersara, didoakan agar sepanjang tempoh perkhidmatan diberi keberkatan oleh ALLAH SWT. Pada Puan Hashimah yang sebelum ini amat sibuk dengan tugas sebagai TKSU di KDN tapi sentiasa memberi sokongan kepada PUSPANITA dan dapat mencuri masa untuk terlibat dalam beberapa program yang diatur. Setelah bersara ini mungkin Puan dapat melakukan perkara-perkara yang sebelum ini tidak sempat dibuat.
6. Buat Yang Berbahagia **Datin Damithah binti Burhanuddin**, rasanya belum terlewat lagi untuk kami ucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berbahagia Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) di Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Didoakan semoga Yang Berbahagia Datuk akan terus cemerlang menggalas tanggung jawab baharu.
7. Begitu juga buat AJK-AJK yang telah bertukar iaitu **Puan Rafeaah binti Nahar**, **Puan Siti Maslinda binti Mardi**, **Puan Syahirah binti Abbas**, **Puan Siti Hajjar binti Arsat** dan **Puan Melinda Lido**. Semoga terus maju jaya dan cemerlang di tempat baharu.
8. Tidak lupa buat **Puan Surayati binti Ibrahim**, mantan Pengurus PUSPANITA Cawangan Kecil JPPM, **Puan Suefarinawathy binti Affendi** dan **Puan Fatma binti Arshad** yang tidak dapat hadir pada hari ini atas sebab kekangan tugas, doa yang sama juga buat kalian. Sungguhpun demikian, sebagai ahli seumur hidup PUSPANITA, peluang untuk Yang Berbahagia Datin dan Puan-Puan untuk terus terlibat aktif dan mengikuti program-program PUSPANITA KDN mahupun PUSPANITA Kebangsaan masih lagi terbuka luas dan amatlah dialu-alukan.

9. Kesungguhan dan kerjasama Yang Berbahagia Datin dan Puan-Puan dalam menyumbang bakti untuk membawa PUSPANITA KDN ke arah yang lebih cemerlang amatlah dihargai. Kami amat memahami tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam, isteri dan ibu amatlah berat. Namun Yang Berbahagia Datin dan Puan-Puan telah sedaya upaya untuk mengimbangi tugas dan tanggung jawab tersebut untuk bersama kami dalam setiap aktiviti yang dianjurkan.

10. Justeru, saya bagi pihak PUSPANITA KDN ingin merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Datin dan Puan-Puan atas segala sumbangan bakti dan baik budi sepanjang bersama PUSPANITA KDN. Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak semua ahli PUSPANITA KDN ingin memohon maaf sekiranya terdapat kekhilafan kami sepanjang kita bersama. Kami juga mendoakan semoga Yang Berbahagia Datin dan Puan-Puan sekeluarga terus diberi kesihatan yang baik dan sentiasa dalam perlindungan dan rahmat ALLAH SWT. Semoga silatulrahim antara kita semua akan kekal berpanjangan. In sha Allah.

11. Akhir kata, tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada ahli jawatan kuasa PUSPANITA KDN yang telah menjayakan majlis pada hari ini. Mohon kemaafan juga jika ada sebarang kekurangan dalam majlis ini. Saya akhiri ucapan ini dengan dua rangkap pantun:

Mengamit rindu datang ke mari,  
Teman sepermainan di tengah laman,  
Kenangan bersama memahat memori,  
Tautan kasih sepanjang zaman.

Malam hari berlagu unggas.  
Memecah sunyi di dalam hutan.  
Walau terpisah tempat dan tugas.  
Jasamu tetap dalam ingatan.

12. Buat hadirat yang dihormati sekalian, abadikanlan kenangan ini dan  
In Sha Allah dengan izinNya dapat kita bersua kembali.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

WABILLHAHHITAUIK WALHIDAYAH.

WASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAH HIWABARATUH.